

# Dr. M: Keazaman politik boleh capai ekonomi baru antarabangsa

UM 19 NOV 1984

KUALA LUMPUR  
18 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, susunan ekonomi antarabangsa yang baru tidak mungkin dapat dicapai selagi tidak ada keazaman politik dan sikap ikhlas negara-negara maju untuk bekerjasama dengan negara-negara membangun.

Perdana Menteri kesal usaha ke arah mewujudkan susunan tersebut masih belum sampai ke mana-mana walaupun telah bertahun-tahun rundingan mengenainya diadakan.

Kecuali keazaman dan ikhlas itu wujud, katanya, susunan ekonomi itu tidak akan menjadi kenyataan.

Beliau berucap di Persidangan Ekonomi ASEAN - Amerika di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "lebih banyak lagi rundingan mengenainya diadakan, sekalipun melibatkan ketua-ketua negara dan pemimpin-pemimpin kerajaan, ia tidak akan membawa kita pergi jauh.

sidangan Ekonomi ASEAN - Amerika adalah sangat penting dan bermakna dalam membantu memperbaiki rangka garis panduan sistem kerjasama antara kedua-dua pihak.

Persidangan tersebut yang berlangsung selama tiga hari mulai hari ini telah dihadiri oleh seramai 100 orang ahli perniagaan terkemuka dari Amerika dan 300 orang dari pihak ASEAN.

Ia telah dianjurkan oleh Majlis Bank-Bank ASEAN dan Majlis Perniagaan ASEAN - Amerika dan merupakan Persidangan Ekonomi ASEAN - Amerika yang pertama pernah diadakan.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya menarik perhatian bahawa negara-negara ASEAN sentiasa menganggap kerjasama dengan semua pihak adalah anak kunci kepada masa depannya.

Ini, katanya, kerana ASEAN telah mempelajari hanya melalui semangat persahabatan dan kerjasama ia dapat

"Apa yang kita perlukan ialah keikhlasan semua pihak dan dialog ikhlas yang berdasarkan penglibatan teguh untuk menyelesaikan issue-issue dan mengatasi masalah-masalah yang ada", tegas beliau.

Beliau berharap agar perkataan "ikhlas" itu tidak dijadikan satu perkataan diplomasi dalam putaran belit oleh negara-negara maju NOVA negara-negara yang sedang membangun.

Perdana Menteri berkata, "keazaman politik untuk bekerjasama di antara negara-negara sedang membangun dengan negara-negara maju perlu ditegakkan.

"Dengan cara ini akan membolehkan para pegawai dan ahli-ahli perniagaan yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan ekonomi dunia dapat melaksanakan segala rancangan mereka supaya perkara-perkara untuk kepentingan bersama menjadi kenyataan".

Dalam hubungan ini beliau berpendapat Per-

mencapai sekurang-kurangnya sebahagian dari matlamat yang dicita-citakan.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa sekalipun soal meningkatkan keamanan dan kestabilan di rantau menjadi perhatian utama di kalangan negara-negara anggota ASEAN tetapi ia tetap berpegang teguh bahawa kekuatan dan kestabilan sesebuah negara itu tidak bergantung sangat pada angkatan tenteranya.

"Sebaliknya apa yang lebih penting ialah kepayaan kita untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dan membekalkan kualiti hidup yang lebih baik bagi seluruh rakyat", tegasnya.

Beliau berpendapat hanya kejayaan ekonomi tanpa memperdulikan kebajikan dan kehendak rakyat telah membuktikan ia dapat menjadi satu faktor ketidakstabilan sesebuah negara dan juga sebab kejatuhan sesebuah kerajaan.

Berasaskan dari hakikat ini Perdana Menteri menarik perhatian ba-

hawa dasar ekonomi negara-negara ASEAN adalah jelas dan terang berdasarkan kepada matlamat-matlamat politik.

Oleh itu, katanya, sekiranya negara-negara ASEAN mengenakan sebarang syarat ke atas para pelabur asing ianya bukanlah bermakna ia iri hati terhadap keuntungan yang mereka perolehi.

“Tetapi ia adalah kerana kami perlu menyesuaikan pencerobohan ekonomi dari luar negeri dengan aspirasi nasional”, tambah beliau.

Beliau turut menarik perhatian bahawa sejak ASEAN ditubuhkan hingga sekarang ia tetap memegang kepada dasar perdagangan bebas dan menggalakkan pelaburan swasta sama ada dari dalam dan luar negeri.